

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD  
( PERDANA MENTERI )

UPACARA: MEMBENTANGKAN RANG UNDANG-UNDANG PERLEMBAGAAN (PINDAAN) 1990

TEMPAT: DEWAN RAKYAT, PADA HARI RABU

TARIKH: 14 MAR 1990

MASA:

Tuan Yang Di-Pertua,  
Saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-Undang bernama suatu Akta untuk meminda Perlembagaan Persekutuan dibaca bagi kali yang kedua sekarang.

2. Tujuan Rang Undang-undang ini ialah untuk meminda Perkara 48, Perkara 139, Perkara 141A, Perkara 151 dan Jadual Kelapan Perlembagaan Persekutuan.

Tuan Yang Di-Pertua,  
3. Pada masa ini tidak ada peruntukan yang menghalang seseorang Ahli Dewan Rakyat atau Ahli Dewan Undangan Negeri meletakkan jawatan dan kemudian bertanding semula dalam pilihanraya yang diadakan bagi kerusi yang dikosongkannya itu. Ketiadaan halangan ini memungkinkan seseorang Ahli Dewan Rakyat atau Ahli Dewan Undangan Negeri meletakkan jawatan dan bertanding semula bagi kerusi yang sama semata-mata untuk menguji atau membuktikan popularitinya. Apabila ini dilakukan, maka banyaklah masa, tenaga dan wang yang terbuang sedangkan rakyat dan negara tidak mendapat apa-apa faedah daripadanya.

4. Pindaan yang dicadangkan kepada Perkara 48 dan Jadual Kelapan Perlembagaan Persekutuan bertujuan menghalang perletakan jawatan yang sedemikian. Menurut Fasal (6) yang dicadangkan dimasukkan ke dalam Perkara 48 itu, seseorang yang meletakkan jawatannya sebagai Ahli Dewan Rakyat akan hilang kelayakan untuk menjadi Ahli Dewan itu. Menurut seksyen 6 yang dicadangkan dimasukkan ke dalam Jadual Kelapan pula, seseorang yang meletakkan jawatan sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri akan hilang kelayakan untuk menjadi Ahli Dewan Undangan Negeri. Tempoh kehilangan kelayakan itu ialah lima tahun yang dikira dari tarikh perletakan jawatan.

Tuan Yang Di-Pertua,  
5. Menurut Fasal (4) Perkara 139 Perlembagaan Persekutuan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam hendaklah terdiri daripada pengerusi, timbalan pengerusi, dan tidak kurang daripada empat tetapi tidak lebih daripada tiga puluh orang anggota lain.

6. Menurut Fasal (2) Perkara 141A pula, Suruhanjaya

Perkhidmatan Pendidikan hendaklah terdiri daripada Pengerusi, Timbalan Pengerusi dan tidak kurang daripada empat orang tetapi tidak lebih daripada lapan orang anggota lain.

7. Oleh yang demikian, sekiranya bilangan anggota Suruhanjaya Perkhidmatan Awam dan Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan itu perlu ditambah, tidak ada jalan lain untuk menambahnya kecuali dengan meminda Fasal (4) Perkara 139 dan Fasal (2) Perkara 141A itu. Adalah lebih wajar suatu cara lain diwujudkan bagi menambah bilangan anggota Suruhanjaya-Suruhanjaya itu mengikut keperluan semasa memandangkan bahawa bilangan kakitangan Kerajaan meningkat sepanjang masa.

8. Pindaan yang dicadangkan kepada Fasal (4) Perkara 139 dan Fasal (2) Perkara 141A mewujudkan cara lain itu. Dengan pindaan itu anggota kedua-dua Suruhanjaya itu akan dapat ditambah melalui perintah yang dibuat oleh Yang di-Pertuan Agong. Peruntukan ini adalah serupa dengan peruntukan dalam Fasal (1) Perkara 122A Perlembagaan yang membolehkan bilangan Hakim Mahkamah Tinggi ditambah melalui perintah yang dibuat oleh Yang di-Pertuan Agong.

Tuan Yang Di-Pertua,

9. Pindaan terakhir yang dicadangkan dalam Rang Undang-Undang ini ialah pindaan kepada Fasal (2) Perkara 151 Perlembagaan, iaitu mengenai lembaga penasihat yang ditubuhkan bagi menimbangkan representasi-representasi daripada orang-orang yang ditahan di bawah undang-undang yang berkaitan dengan penahanan pencegahan. Lembaga penasihat itu terdiri daripada seorang pengerusi dan dua orang anggota lain.

10. Pengerusi lembaga penasihat dilantik oleh Yang Di-Pertuan Agong daripada kalangan orang-orang yang menjadi, layak menjadi atau pernah menjadi Hakim Mahkamah Agung atau Mahkamah Tinggi atau orang-orang yang pernah, sebelum Hari Malaysia, menjadi Hakim Mahkamah Besar. Tidak ada peruntukan yang mewajibkan Yang Di-Pertuan Agong berunding dengan Ketua Hakim Negara bagi perlantikan pengerusi ini.

11. Anggota-anggota lain lembaga penasihat itu pula tidaklah semestinya dilantik daripada kalangan orang-orang yang menjadi, layak menjadi atau pernah menjadi hakim sedemikian. Namun demikian terdapat peruntukan yang mewajibkan Yang Di-Pertuan Agong berunding dengan Ketua Hakim Negara bagi perlantikan anggota-anggota lain itu.

12. Pindaan yang dicadangkan dibuat kepada Fasal (2) Perkara 151 ini akan memastikan bahawa tiada perbezaan di antara prosedur perlantikan pengerusi lembaga penasihat dengan prosedur perlantikan anggota-anggota lain lembaga itu.

Tuan Yang Di-Pertua,  
Saya mohon mencadangkan.

